

1983

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK RAKYAT BERUSAHA DENGAN PENUH DISIPLIN UNTUK MENGISI KEHERDEKAAN DAN MEMBENTUK SEBUAH NEGARA MALAYSIA YANG MAJU DAN BAHAGIA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN USAHA INI PERLU DIBUAT UNTUK MENJAGA KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH BANGSA DAN NEGARA YANG BERMARUAH.

USAHA-USAHA INI, TAMBAHNYA, BUKANLAH DIDORONGI OLEH SIKAP ANGGUH MAHU MENUNJUK-MENUNJUK ATAUPUN KERANA HENDAK MENJADI SATU KUASA BESAR UNTUK MEMAKLUKI ORANG LAIN.

MENYAMPAIKAN UCAPAN DASAR SEBAGAI PRESIDEN UMNO DI PERHIMPUNAN AGUNG KE-34 PARTI ITU DI HOTEL HILTON DI SINI, BELIAU BERKATA DENGAN MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN BAHAGIA, MALAYSIA AKAN TURUT SAMA MENYUMBANG KE ARAH KEBAHAGIAAN MANUSIA SEJAGAT.

+OLEH ITU KITA HARUS TEKUN MEMBIMBING NEGARA KE ARAH KEBAHAGIAAN DAN KESEJAHTERAAN DAN SENTIASA MENGISI KEHERDEKAAN,+ KATA BELIAU.

+INI PERLU DIJALANKAN DENGAN DISIPLIN SUPAYA SETIAP GENERASI BANGSA KITA TIDAK MENGALAMI KELEMAHAN ATAU MEMBENARKAN UNSUR-UNSUR YANG TIDAK SIHAT SERTA KHAYALAN DAN KEGHAIRAHAN MENYERAPI PEMIKIRAN DAN CARA HIDUP KITA.+ -- LAGI 1050/JD



MAHATHIR-BAHAGIA 5 KUALA LUMPUR

KEPADA REAKSI-REAKSI ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN USAHA-USAHA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM ITU BUKANLAH UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN SETENGAH-SETENGAH PIHAK DAN IA JUGA BUKAN UNTUK MEMAKSA RAKYAT BUKAN ISLAM MENJADI ISLAM.

ISLAM, KATANYA, TIDAK MENGANJURKAN PAKSAAN DAN ISLAM JUGA TIDAK MENDAPAT UNTUNG JIKA MEREKA MEMELUK ISLAM KERANA DIPAKSA ATAU KERANA TAKUT ATAU KERANA MUSLIHAT-MUSLIHAT TERTENTU.

+YANG KITA MAHU IALAH UMAT ISLAM BENAR-BENAR MENGAMALKAN NILAI-NILAI ISLAM DAN YANG BUKAN ISLAM MENGAMALKAN NILAI-NILAI MULIA YANG SUDAH TENTU TIDAK BERTANTANGAN DENGAN NILAI ISLAM DAN DAPAT HIDUP DALAM SUASANA AMAN MAJU, HARMONI DAN BAHAGIA,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENOLAK SARANAN SUPAYA UNDANG-UNDANG ISLAM DIADAKAN SAJA KONONNYA SUPAYA SEMUA ORANG ISLAM AKAN MENJADI ORANG ISLAM YANG DERIMAN DAN BERTAKWA.

+CARA INI SEBENARNYA AKAN MENGHASILKAN ORANG-ORANG ISLAM CUMA PADA ZAHIRNYA DAN MEREKA AKAN LARI KE SANA SINI DALAM USAHA MENGELAK DARIPADA UNDANG-UNDANG ISLAM.

+DENGAN INI MAKA PERISTIWA-PERISTIWA YANG MEMALUKAN AKAN BERLAKU DI NEGARA-NEGARA BUKAN ISLAM DI MANA ORANG ISLAM SUKA PERGI,+ TAMBAHNYA. -- LAGI 1230/MK

MAHATHIR - BAHAGIA 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENEGASKAN ORANG ISLAM AKAN BERASA +COMMITTED+ KEPADA AGAMA ISLAM JIKA MEREKA DIBERI PENJELASAN TENTANG KEHENDAK AGAMA ISLAM YANG SEBENAR.

PERBUATAN MENYEMBUNYI ATAU MEMUTARBELIT AYAT-AYAT QURAN DAN HADIS NABI KERANA DIDAPATI TIDAK SECOCOK DENGAN PENDIRIAN ORANG-ORANG TERTENTU TIDAK AKAN MENOLONG MENYAKINKAN ORANG ISLAM SUPAYA MEREKA BERPEGANG KUAT KEPADA ISLAM DI MANA JUA MEREKA BERADA, KATANYA.

+OLEH ITU, KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENJELASKAN AGAMA ISLAM YANG BENAR WALAU APA SEKALIPUN TUDUHAN YANG DIBUAT OLEH MEREKA YANG BERKEPENTINGAN. SESUNGGUHNYA ISLAM IALAH AGAMA KESERDAHANAAN DAN BEBAS DARIPADA SEBARANG PAKSAAN,+ TEGASNYA.

DELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA AKAL FIKIRAN DAN NILAI-NILAI KEMANUSIAAN MEMBEZAKAN ANTARA MANUSIA DENGAN HAIWAN. ISLAM MEMENTINGKAN KEDUA-DUANYA DAN INILAH SEBABNYA KERAJAAN MENJADIKAN USAHA MENERAP NILAI-NILAI ISLAM SEBAGAI TERAS KEBAHAGIAAN DAN MASA DEPAN RAKYAT DAN NEGARA.

++SESUNGGUHNYA SEMUA NILAI ISLAM TIDAKLAH BERBEZA DARIPADA NILAI-NILAI YANG TINGGI DAN BAIK YANG DITERIMA OLEH ALAM SEJAGAT.+ -- LAGI 1235/MK

2020 B551

MAHATHIR - BAHAGIA 7 KUALA LUMPUR

+CUMA MEREKA YANG MEMBELAKANGKAN NILAI-NILAI MORAL YANG WAJAR SAJA YANG AKAN BERASA TERANCAM DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PEMERINTAHAN DAN GERAK-GERI NEGARA,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR LALU MENASIHATKAN RAKYAT BAHAWA MEREKA TIDAK PERLU KHUATIR DENGAN TELATAH BEBERAPA KUMPULAN EKSTREMIS KERANA ITU BUKANLAH DARI AJARAN ISLAM YANG SEBENAR DAN KERAJAAN TIDAK BERMINAT UNTUK MENYERAP AMALAN-AMALAN MEREKA. -- BERNAMA 1239/MK